



Anggota Bomba dan Penyelamat Rompin menurunkan keperluan makanan untuk diagihkan di Kampung Denai selepas terputus hubungan akibat banjir, semalam. (Foto Bernama)

Bah Johor kian pulih

Jumlah mangsa banjir dipindah berkurang, pihak berkuasa terus pantau keadaan

Oleh Mohamed Farid Noh dan Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keadaan banjir di Johor semakin baik dengan jumlah mangsa semakin berkurangan, manakala situasi di Pahang tidak banyak berubah.

Di Johor, jumlah mangsa berkurangan kepada 5,651 dengan tujuh daerah masih terjejas dan 71 pusat pemindahan sementara (PPS) masih dibuka, setakat jam 5 petang semalam.

Ia berbanding 7,944 orang mangsa daripada 2,170 keluarga dengan 87 PPS dibuka pada tengah hari.

EXCO Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon, berkata operasi pemantauan terus dilaksanakan oleh agensi berkaitan sebagai langkah berjaga-jaga berikutan keadaan cuaca tidak menentu, termasuk amaran hujan lebat berterusan.

Tujuh daerah terjejas banjir setakat ini selepas satu-satunya PPS di Muar ditutup kelmarin, namun

keadaan daerah yang terjejas sedang dipantau berikutan masih hujan.

Segamat mencatatkan PPS terbanyak iaitu 25, diikuti Kluang (18), Kota Tinggi (10), Mersing (sembilan), Batu Pahat (empat), Pontian (tiga) dan Kulai (dua).

Mangsa banjir di Segamat berkurangan kepada 1,256 mangsa daripada 340 keluarga berbanding 1,525 orang daripada 406 keluarga, pada pagi, dengan paras sungai di Bandar Segamat terus mencecah amaran.

Mangsa banjir di Kluang menurun kepada 1,923 orang daripada 554 keluarga berbanding 2,632 daripada 730 keluarga pada pagi.

Sebanyak 10 PPS masih dibuka di Kota Tinggi dengan mangsa berkurangan kepada 910 daripada 238 keluarga.

Di Mersing juga mangsa kurang kepada 1,145 orang daripada 325 keluarga, tetapi di Batu Pahat mangsa banjir bertambah kepada 97 orang daripada 24 keluarga.

Mangsa banjir di Pontian juga berkurangan kepada 212 orang daripada 51 keluarga, manakala di Kulai seramai 99 orang daripada 31 keluarga.

Empat laluan utama di kawasan Kota Tinggi masih ditutup kepada pengguna lalu lintas dengan paras banjir mencecah antara 2 hingga 2.6 meter.

Ia membabitkan Kilometer 59 Jalan Johor Bahru-Mersing (Kubu Lama), Kilometer 70 Jalan Jo-

hor Bahru-Mersing (Simpang Tunjuk Laut), Kilometer 72/73, Jalan Johor Bahru-Mersing (Ladang RISDA Ulu Sedili) dan Jalan FELDA Aping Timur (Lorong Durian 2).

Di Kuantan, Raub dan Bera antara daerah terbaru dilanda banjir selepas Rompin dan Temerloh dengan jumlah keseluruhan 1,070 mangsa daripada 280 keluarga di 13 Pusat Penempatan Sementara (PPS) pagi semalam.

Mangsa paling ramai masih di Rompin iaitu 956 mangsa daripada 248 keluarga, diikuti Raub 66 mangsa (22 keluarga), Bera 25 mangsa (enam keluarga) dan Temerloh pula 23 mangsa daripada empat keluarga.

Sementara itu, hujan berterusan menyebabkan empat sungai di Raub mencatat peningkatan melepasi paras berjaga-jaga pagi semalam.

Pada jam 8 pagi, paras Sungai Tembeling di Kuala Tahan, Jerantut mencecah 65.23 meter (m) berbanding bacaan normal 60m.

Ia diikuti Sungai Pahang di Sungai Jap, Jerantut iaitu 49.20m berbanding normal 44m, Sungai Triang, Triang di Bera mencatat 33.72m berbanding normal 31m dan Sungai Kuantan di Pasir Kemudi, di sini mencatat 6.02m berbanding dua meter.

Beberapa paras sungai di Maran, Lipis, Bentong, Temerloh, Pekan dan Bera turut menunjukkan peningkatan iaitu melepasi paras normal.